

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI  
DI PEMBUKAAN PERSIDANGAN  
PERGERAKAN PEMUDA DAN KAUM IBU UMNO  
PADA 29 JULAI, 1966.

Tuan Pengerusi, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya amat sukacita dan mengucapkan syukur ke hadrat Tuhan kerana telah diberi penghormatan yang tinggi kepada saya untuk merasmikan Persidangan Agong Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Kaum Ibu UMNO bersama pada hari yang berbahagia dan bertuah ini.

Inilah kali yang pertama di dalam sejarah UMNO, iaitu semenjak UMNO dilahirkan 20 tahun dahulu, seorang Timbalah Yang diPertua mendapat penghormatan bagi merasmikan Persidangan Agong Pergerakan Pemuda UMNO dan Pergerakan Kaum Ibu UMNO. Mengikut adat dan kebiasaan, adalah menjadi hak bagi Yang di-Pertua UMNO untuk merasmikan Persidangan-persidangan Kaum Ibu dan Pemuda UMNO.

Saya berasa terhutang budi yang tidak terhingga kepad Y.T.M. Tunku, Yang Di-Pertua kita, kerana telah memberi saya peluang dan penghormatan yang istimewa pada hari ini. Saya bersyukur ke hadrat Tuhan Rabbul alamin atas kemurahan Tunku dan kepercayaan dan keyakinannya dan juga ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO di atas diri saya. Kepercayaan ini adalah menambahkan lagi keazaman saya untuk sentiasa berjuang bagi kepentingan bangsa, negara dan agama dengan berdasarkan asas-asas dan tujuan-tujuan perjuangan UMNO. Tuan-tuan dan puan-puan, Ahli-ahli Pergerakan Pemuda dan Kaum Ibu, Persidangan pada hari ini dan Perhimpunan Agong UMNO pada besok dan lusa, berlangsung di dalam suasana yang cerah dan bercahaya, umpama hari pagi selepas fajar menyinsing, matahari mulai bercahaya membawa sinar keamanan dan persahabatan kepada negara kita yang dikasihi - Malaysia - ini dengan negara-negara tetangga kita.

Seperti tuan-tuan dan puan-puan maklum, setahun dahulu suasana di sekeliling negara kita adalah muram dan redup disebabkan oleh konfrontasi dari negara saudara kita - Indonesia, Filipina pula telah memutuskan perhubungan diplomatiknya dengan kita. Begitu juga Pakistan, sebuah negara Islam, telah memutuskan perhubungan diplomatiknya dengan Malaysia. Akan tetapi pada hari ini, tahun kita menyambut usia 20 tahun Parti UMNO dan tahun yang pertama pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong<sup>1</sup> yang ada sekarang ini, kita dapati cuaca yang muram dan redup itu telah menjadi cerah dan terang.

Filipina telah memulihkan semula perhubungan diplomatik dan persahabatannya dengan kita. Pertikaian kita dengan Indonesia telah tamat dan tidak beberapa lama lagi dengan berkat Tuhan dapatlah diadakan balik semula perhubungan persahabatan dan persaudaraan yang erat di antara Indonesia dengan kita. Nyatalah, suasana siasah di Tenggara Asia ini bertambah cerah dan kita akan menghadapi satu zaman keamanan, zaman persahabatan dan kerjasama yang baik dengan negara-negara tetangga kita di wilayah ini.

Pada minggu hadapan akan berlangsung Persidangan Menteri-menteri Luar ASA di mana akan diadakan perundingan-perundingan bukan sahaja untuk membaharui dan memberi nyawa dan nadi yang baharu kepada Pertubuhan Persatuan Tenggara Asia (ASA), akan tetapi diharap juga dapat kita bersama-sama memmbangkan soal-soal hendak membesar dan meluaskan ASA ini supaya negara-negara yang lain yang suka hendak bekerjasama untuk faedah bersama di Tenggara Asia ini dapat diberi peluang menjadi ahlinya dan mengambil bahagian di dalam ASA. Dengan adanya keamanan di Tenggara Asia ini dan kerjasama yang rapat dipulihkan semula di antara negara-negara yang lain akan dapat menghadapi zaman pembangunan dan kemajuan; zaman yang cerah dan gemilang dalam sejarah Tenggara Asia yang bergolak dan membangun.

Tuan-tuan dan puan-puan, begitu juga dalam lapangan pembangunan negara. Tahun 1966 menentukan yang Rancangan Lima Tahun Yang Pertama Kerajaan Perikatan yang telah dijalankan dengan besar-besaran, iaitu rancangan pembangunan luar bandar, telah dilaksanakan dengan selamat dan sempurna dengan mendapat kejayaan dan kehasilan yang sangat memuaskan. Kemajuan-kemajuan yang telah dapat dicapai di luar bandar, di kampung-

kampung di seluruh negara kita ini dan juga di bandar-bandar tidak ada tolok bandingnya dalam sejarah negara kita. Kemajuan dalam lima tahun itu adalah lebih besar dan hebat lagi daripada kemajuan-kemajuan yang didapati selama 100 tahun di bawah pemerintahan penjajahan British dahulu.

Rakyat di kampung-kampung, terutama sekali rakyat yang daif dan mundur, iaitu sebahagian besarnya ialah orang-orang Melayu, telah mendapat sedikit sebanyak kemudahan-kemudahan hidup dan kemajuan-kemajuan yang mereka itu cita-citakan semenjak beberapa lama. Kejayaan kita dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan telah mendapat pujian dari negara-negara lama di dunia dan negara-negara yang baharu mencapai kemerdekaan seperti kita Malaysia yang inginkan kepada kemajuan. Setengah-setengah negara yang baharu mencapai kemerdekaan telah menghantar wakil-wakil mereka datang memerhati cara-cara kita melaksanakan rancangan pembangunan supaya mereka juga dapat menjalankan pula di negara masing-masing. Kita bersedia memberi apa juga bantuan kepada negara-negara lain dalam lapangan pembangunan dan kita suka hendak bertukar-tukar fikiran dan pengalaman dengan mereka sebab dalam zaman moden ini sebuah negara tidak akan dapat mencapai kemajuan sepenuhnya melainkan dengan bekerjasama di antara satu sama lain.

Kita sentiasa sedia hendak bekerjasama dengan negara-negara sahabat kita. Dengan sebab itu kita telah mencadangkan pada tahun lepas untuk mengadakan satu seminar Pembangunan Afro-Asia di Kuala Lumpur untuk bertukar-tukar fikiran dalam lapangan pembangunan dengan wakil-wakil dari negara Afro-Asia yang akan berlangsung pada bulan Oktober akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan, kejayaan kita dalam melaksanakan rancangan pembangunan negara dalam masa 5 tahun yang lalu adalah semata-mata di peringkat yang pertama sahaja. Ini bermakna kita telah mulai langkah yang pertama dalam lapangan pembangunan dengan mendapat kejayaan yang memuaskan hati. Banyak lagi rancangan-rancangan yang kita sedang jalankan dan banyak lagi hasrat-hasrat dan kehendak rakyat yang mustahak akan kita hasilkan. Dengan sempurnanya dijalankan peringkat yang pertama itu, maka bermaknalah kita sekarang dapat memasuki ke peringkat yang kedua dengan keazaman, keyakinan dan tenaga yang lebih kuat lagi.

Umpama seperti sebuah motor, setelah berjalan 5 tahun dengan menggunakan gear yang pertama maka sekarang dapatlah kita memasukkan ke gear yang kedua yang bermaknalah kita dapat berjalan dengan lebih cepat dan laju lagi.

Kerajaan Perikatan yang didukung oleh UMNO berazam hendak membawakan kepada rakyat negeri ini perpaduan dan persahabatan dengan seluas-luasnya lagi; hendak memberi mereka yang tidak mempunyai peluang dalam lapangan perusahaan peluang-peluang yang lebih besar dan lebih luas lagi. Kesimpulannya, Kerajaan Perikatan hendak memberi rakyat Malaysia ini satu taraf hidup yang sempurna sesuai dengan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat dalam zaman tamadun ini. Kita berkehendakkan rakyat negeri ini mempunyai taraf hidup tidak kurang daripada taraf hidup yang telahpun dicapai oleh negara-negara yang telah maju, baik negara-negara di sebelah barat mahupun di sebelah timur.

Sebagai satu bangsa kita berhak mempunyai kedudukan yang sempurna di kalangan bangsa-bangsa lain yang telah merdeka dan berdaulat. Dengan sebab itu Kerajaan kita telah mencari segala ikhtiar yang patut, apa sahaja ikhtiar-ikhtiar yang munasabah untuk menolong rakyat memperbaiki keadaan hidup mereka. Kerajaan sedang menjalankan beberapa rancangan untuk memperbaiki taraf hidup rakyat dan Kerajaan berkehendakkan rakyat negeri ini memberi kerjasama sepenuh-penuhnya kepada Kerajaan dalam rancangan pembangunan supaya rancangan-rancangan yang sedang dijalankan itu akan dapat kejayaan yang penuh dan dapat memberi faedah-faedah sepenuh-penuhnya kepada rakyat yang berkehendakkan kemajuan.

Tuan-tuan dan puan-puan, saya telah bayangkan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh negara kita yang muda ini dan juga suasana di wilayah Tenggara Asia ini; tentang kedudukan negara kita di samping negara-negara jiran kita. Semua perkara-perkara ini dan kejayaan serta kemajuan yang telah dicapai semenjak negara kita merdeka ialah kerana Kerajaan kita - Kerajaan Perikatan - telah menjalankan dasar-dasar yang praktikal dan bertimbang rasa.

Kerajaan Perikatan didukung oleh UMNO sendiri dan UMNO mempunyai bahagian yang besar dalam Kerajaan ini. Bersyukur

kita ke hadrat Tuhan bahawa pada tahun yang ke-20 kita menyambut ulang tahun lahirnya parti kita ini, UMNO makin sehari makin bertambah kuat dan subur. Sokongan-sokongan dari orang-orang Melayu bertambah; bilangan ahli-ahlinya banyak bertambah. Ini adalah tanda yang terang dan nyata yang menunjukkan dasar-dasar dan perjalanan parti kita pada masa yang lampau dan sekarang adalah sesuai dengan kehendak dan hasrat penduduk negara kita ini terutama sekali hasrat orang-orang Melayu dan dasar-dasar ini telahpun menunjukkan hasil dan bukti yang boleh dipandang dengan mata oleh semua pihak terutama sekali ahli-ahli UMNO sendiri.

UMNO adalah kuat dan sedang subur. Untung nasib orang-orang Melayu dan rakyat bumiputera bahkan negara Malaysia pun adalah bergantung kepada UMNO, sebagai sebuah parti siasah yang terbesar sekali di negara ini. UMNO telah disifatkan sebagai satu badan. Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Kaum Ibu adalah sebagai dua belah tangan - tangan kiri dan tangan kanan UMNO. Saya meminta izin bercakap sedikit berkenaan dengan Pergerakan Pemuda UMNO dahulu, dan selepas itu saya akan tumpukan percakapan saya kepada Pergerakan Kaum Ibu pula. Kaum Ibu, sebagai jenis yang bersifat lemah lembut dan mempunyai sifat-sifat sabar, tentulah boleh menunggu dan menanti sebentar.

## PERGERAKAN PEMUDA

Apakah sebenarnya istilah "Pemuda" itu? Adakah "Pemuda" itu diukur dari segi umur semata-mata? Ada setengah-setengah orang sungguhpun umurnya sudah lebih, tetapi masih lagi suka mensifatkan dirinya sebagai 'muda'. Adakah "Pemuda" yang dalam pemikiran, pandangan hidup dan jiwanya tidak dapat menyesuaikan dengan perubahan zaman, dapat dikatakan "Pemuda"? Atau adakah orang-orang yang berumur muda tetapi tidak dapat menumpukan usaha dan tenaga serta jiwanya kepada pergerakan masyarakat, dapat dikatakan "Pemuda"? Tentu sekali tidak. Orang yang dikatakan "Pemuda", pada fikiran saya, ialah seorang yang boleh merupakan satu tenaga penggerak dan pembina masyarakat; kalau sekiranya dari jiwa dan pemikiran serta pandangannya ia bergelora dengan cita-cita untuk berjuang kerana bangsa, tanah air dan agama, ia adalah seorang "Pemuda". Inilah istilah "Pemuda" dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

Dalam perjuangan UMNO kita, seperti juga dalam perjuangan parti-parti politik lain yang besar di dunia ini, Pemuda-pemuda adalah mempunyai peranan yang penting. Kalau tidak kerana Pemuda, motor atau jentera perjalanan UMNO kita tidak dapat digerakkan dengan laju. Akan tetapi sebagai jentera, Pemuda haruslah menerima ilham, semangat dan pendidikan serta pengajaran. Kalau kita hanya semata-mata berjuang mengikut nafsu dan hati sahaja, maka perjuangan kita itu tidak akan perhitungan dan pertimbangan. Akibatnya segala usaha dan tenaga kita akan mem-bazir sahaja.

Semangat kita mestilah dikuatkan dengan pendidikan dan pelajaran kerana dengan pendidikan dan pelajaranlah baharu Pemuda dapat melengkapkan dirinya dengan pertimbangan yang waras dan sihat. Pemuda yang dapat melengkapkan dirinya dengan ilham dan pendidikan sedikit sebanyak adalah besar gunanya kepada bangsa, tanahair, agama dan parti kita. Dalam zaman pembangunan negara sekarang ini, kita amat memerlukan angkatan Pemuda yang boleh mengisi dadanya bukan sahaja dengan semangat atau taat setia kepada bangsa dan negara, tetapi juga dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman.

Dengan adanya ilmu pengetahuan dan pengalaman, kita dapat menyalurkan tenaga dan fikiran kita ke arah cita-cita yang kita tuju dan kita dapat berjalan ke arah cita-cita kita itu dengan jelas, dengan lebih jaya dan lebih sempurna lagi. Kita akan tahu di mana ada halangan; di mana ada rintangan yang terletak di hadapan kita. Kita akan tahu masalah-masalah yang kita hadapi. Kita akan dapat membezakan siapa musuh, siapa lawan dan siapa kawan. Kita dapat mengukur sama ada perjalanan kita itu panjang, sulit ataupun singkat.

Kesimpulannya, kita hanyalah dapat mempunyai kesedaran ini dan dapat mendalaminya dengan ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan dan pengalaman memberi kita keyakinan untuk menghadapi dugaan dan ujian yang terletak di hadapan kita dan kita akan dapat berjalan menuju ke arah tempat tumpuan kita dengan terang dan pimpinan yang sempurna dan tidak semata-mata meraba-raba seperti berjalan dalam gelap.

Sebagai sebuah parti siasah, UMNO memerlukan Pemuda-

pemuda yang bercita-cita tinggi dan berpelajaran. Bukanlah maksud saya bahawa Pemuda-pemuda kita harus semuanya lulus Universiti dan mempunyai ijazah-ijazah Universiti. Maksud saya ialah Pemuda-pemuda kita mestilah dididik oleh pengalaman pahit dan maung yang telah lalu; oleh pelajaran yang didapati dalam kerja harian menadbirkan parti kita dan oleh pelajaran yang dikumpulkan dari pengalaman pergerakan di samping rakyat jelata. Inilah pelajaran dan pengalaman yang terpenting sekali yang harus dimiliki oleh tiap-tiap Pemuda - pelajaran berdasarkan pengalaman dalam perjuangan. Banyak Pemuda-pemuda kita mempunyai pengalaman-pengalaman ini tetapi hendaklah mereka itu menggunakannya dengan sepenuh-penuhnya pengalaman itu untuk kebaikan parti, untuk kemajuan bangsa dan negara kita.

### PERGERAKAN KAUM IBU

Sekarang saya sukalah pula berpaling kepada Pergerakan Kaum **Ibu** kita. Di dalam politik, istilah "Kaum Ibu" bolehlah dikatakan hampir-hampir sama dengan istilah "Pemuda". Istilah "Kaum Ibu", bukanlah pada umurnya, tetapi ialah atas kemampuan dan kesanggupan seseorang itu bagi memperhambakan dirinya kepada kepentingan bangsa, tanah air dan agama serta parti. Dari segi tanggungjawab dan politik, Kaum Ibu tidak ketinggalan; kadangkadangkang sama-sama garang dan sama gagah dan rajin dengan Pemuda dan kaum lelaki. Ada kalanya pula, Kaum Ibu lebih kuat bekerja daripada kaum lelaki.

Kegiatan, kesedaran dan keinsafan Kaum Ibu UMNO dalam kebangkitan kebangsaan dan sejarah perjuangan kita, sangatlah cemerlang dan telah mengagumkan bangsa-bangsa asing di Malaysia dan ahli-ahli politik dunia. Kebanyakan orang-orang menyangka wanita-wanita Melayu yang terkenal sebagai wanita-wanita yang bersopan santun, pemalu dan lemah lembut itu tidak boleh menjadi perangsang yang besar dan pekerja yang kuat yang berdiri di barisan hadapan berganding bahu dengan kaum lelaki dalam memperjuangkan kemerdekaan dan membentuk dan membela Malaysia dan juga menjalankan usaha-usaha pembangunan untuk memenuhi cita-cita UMNO.

Dalam pilihanraya-pilihanraya, Kaum Ibu telah menjadi tenaga

dan jentera yang kuat bagi kemenangan calon-calon Perikatan. Dengan bertambahnya kesedaran dan perasaan tanggungjawab Kaum Ibu dalam politik dan negara, saya percaya pucuk pemimpin UMNO dan Perikatan akan memberi peranan, tanggungjawab dan kedudukan yang lebih luas dan besar lagi kepada ahli-ahli Kaum Ibu, baik dalam parti mahupun dalam Kerajaan.

Saya sukacita melihat sekarang ini telah ada beberapa orang Kaum Ibu yang telah menjadi Ketua-ketua Bahagian dan Cawangan-cawangan UMNO di merata-merata tempat. Saya berharap pada masa-masa akan datang ini, soal "sex" atau "jenis" tidak akan timbul siapa kuat - siapa lemah. Yang mustahak ialah kita memberi kepercayaan dan keyakinan kepada sesiapa juga yang mempunyai kecekapan dan kebijaksanaan serta keikhlasan untuk menjalankan kerja-kerja dan tanggungjawab dalam semua perkara yang berkehendakkan kehasilan. Jikalau ahli-ahli Kaum Ibu boleh membawa kehasilan dan kita dapat pula menerima kehasilan di bawah pimpinan Kaum Ibu, kita tetap sama-sama akan menyokongnya.

Ahli-ahli Kaum Ibu kita khasnya ahli-ahli UMNO adalah semakin bertambah pandai, berarii, maju dan percaya kepada kebolehan diri sendiri. Ini adalah merupakan satu kemajuan yang besar yang telah dicapai oleh Kaum Ibu kita. Saya berdoa, pada masa-masa yang akan datang, sesudah banyak Kaum Ibu kita mendapat pengalaman, mempunyai didikan dan pelajaran yang baik dan tinggi, Malaysia akan mempunyai Menteri-menteri wanita, Duta-duta wanita, bahkan Perdana Menteri wanita sekali pun, seperti Puan Indira Ghandi di India.

Pucuk pemimpin UMNO suka melihat banyak lagi Kaum Ibu, gadis-gadis kita masuk berjuang dalam UMNO supaya jentera, fikiran dan kekuatan pergerakan Kaum Ibu kita lebih maju, lebih kuat dan lebih progresif lagi. Pada fikiran saya, peranan Kaum Ibu yang penting dalam politik dan masyarakat, selain daripada memberi perangsang, penggerak jentera dan pekerja, ialah menjadi pendorong, progandis dan mubaligh-mubaligh politik dan pelajaran.

Kaum Ibu kita telah menunjukkan kejayaan yang besar dalam kerja-kerja menyebarkan dan menyiarkan pelajaran politik yang membawa kesedaran siasah dan mempengaruhi rakyat untuk menyokong UMNO dan Perikatan. Saya amat sukacita juga melihat Kaum Ibu

kita memberi sama banyak masa lapang mereka bagi membangkit-kan kesedaran rakyat negeri ini dan rakyat bumiputera khususnya dalam lapangan pelajaran, ekonomi, sosial dan kebidayaan supaya kelemahan-kelemahan yang terdapat di kalangan orang-orang Melayu dalam lapangan ini dapat diperbaiki dan di atasi dengan seberapa segera yang boleh.

Hasrat UMNO sama dengan hasrat rakyat. Parti kita - UMNO - telah berusia 20 tahun. Kita telah banyak menunjukkan jasa-jasa dan bakti-bakti kepada bangsa dan negara kita. Kita telah meruntuhkan Malayan Union. Kita telah menegakkan kemerdekaan Tanah Melayu dan mempertahankan kemerdekaan itu. Kita telah mewujudkan Malaysia dan mempertahankan Malaysia. Kita telah berjaya menghadapi rintangan-rintangan dan musuh-musuh, baik dari dalam mahu pun dari luar. Begitu juga dalam parti kita, kita telah menghadapi berbagai-bagai krisis-krisis dari satu masa ke satu masa, tetapi kita telah berjaya mengatasinya semua sekali.

Semua perkara-perkara ini adalah menjadi pengajaran dan pengalaman kepada kita. Pelajaran yang penting sekali yang kita boleh dapati daripada semua perkara-perkara ini ialah sebagai sebuah parti siasah, kita tidak boleh berpisah daripada cita-cita rakyat. Sebagai parti yang memperjuangkan hak-hak dan kepentingan-kepentingan orang-orang Melayu dan bumiputera, kita tidak boleh berpisah daripada cita-cita dan hasrat orang-orang Melayu dan bumiputera yang kasihkan kepada negara kita ini.

UMNO ialah sebuah parti yang telah diwujudkan bagi menyatupadukan bangsa Melayu. Sebuah parti, semenjak 20 tahun yang lalu, telah memperjuangkan kebangkitan semangat orang-orang Melayu dan bersama-sama dengan saudara-saudara kita daripada bangsa-bangsa lain, kita telah menuntut kemerdekaan dan mewujudkan Malaysia yang kita kasihi ini. Kekuatan UMNO ialah terletak di atas kedudukan dan peranan kita sebagai sebuah parti yang memperjuangkan cita-cita dan hasrat rakyat. Dengan sebab itu, jikalau kita berpisah daripada cita-cita itu, maka kita akan terlepas daripada akar-akar yang menyuburkan dan menguatkan pertumbuhan parti kita.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, dalam zaman pembangunan ini, apakah sebenar-benarnya perasaan dan hasrat atau cita-cita

masyarakat bumiputera atau orang-orang Melayu amnya dan dalam UMNO khususnya? Cita-cita dan hasrat ahli-ahli UMNO, orang-orang Melayu dan ahli-ahli bumiputera ialah mereka itu berkehendakkan kepada perubahan-perubahan nasib. Mereka berkehendakkan supaya taraf hidup mereka diperbaiki supaya menjadi lebih tinggi dan lebih sempurna lagi daripada yang ada pada hari ini. Mereka berkehendakkan kedudukan ekonomi diperbaiki sesuai sebagai rakyat sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Pemimpin-pemimpin UMNO dan Kerajaan Perikatan sedar dan mengetahui cita-cita dan hasrat rakyat dan ahli-ahli UMNO ini. Dengan sebab itu Kerajaan sedang menjalankan ikhtiar-ikhtiar dengan seberapa dayanya yang boleh untuk memperbaiki ekonomi dan taraf hidup rakyat di luar-luar bandar dan ahli-ahli UMNO, orang-orang Melayu dan rakyat bumiputera; iaitu untuk melaksanakan asas-asas dan tujuan-tujuan perjuangan UMNO sendiri.

Sebagai ahli-ahli Pergerakan Pemuda dan Kaum Ibu UMNO, tuan-tuan dan puan-puan bersama-sama bertanggungjawab dengan ahli-ahli UMNO semua untuk memperjuangkan cita-cita dan tujuan-tujuan UMNO dan memperjuangkannya dengan sepenuh-penuhnya kehendak-kehendak dan hasrat rakyat dalam lapangan ekonomi dan dalam meninggikan taraf hidup mereka itu. Begitu jugalah kewajipan kita sebagai seorang ahli bukan sahaja mempertahankan dan memperhndungkan orang-orang Melayu sahaja, tetapi mempertahankan dan memperlindungan juga dasar-dasar rukun damai kita; serta memelihara perasaan muhibah antara warganegara Malaysia yang berbagai keturunan bagi melaksanakati dasar kita untuk melahirkan satu bangsa Malaysia yang tulin, kuat dan besar.

Kita sebagai sebuah parti dan juga sebagai sebuah Kerajaan, kita adalah mengamalkan dasar demokrasi. Inilah dasar yang menjadi 'tiang seri' perjuangan parti dan negara kita. Inilah semangat parti kita - UMNO, iaitu mempertahankan pemerintahan demokrasi berparlimen dan keperibadian Malaysia.

Inilah perkara yang kita mesti sematkan di hati kita setiap masa. Ahli-ahli UMNO telah banyak berkorban dan berusaha untuk mempertahankan asas-asas dan tujuan-tujuan kita dan mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara Malaysia. Dengan izin Tuhan, kita akan teruskan usaha-usaha dalam perjuangan kita yang jujur dan ikhlas itu.

Tuan-tuan dan puan-puan, cita-cita yang mulia dan tinggi, oleh sebab banyak lagi pekerjaan-pekerjaan yang mustahak kita belum laksanakan, maka sangatlah mustahak kita memperkuat parti kita - memperkuat jentera parti kita sebagai satu parti, bukannya satu kumpulan beratus-ratus atau beribu-ribu orang yang disatukan oleh satu cita-cita. Cita-cita itu mestilah digembelngkan dalam satu organization dan mentafsirkannya secara konkrit; melaksanakan satu program perjuangan yang jelas dan padat. Tenaga dan semangat Pemuda-pemuda yang berkobar-kobar itu mustahak disalurkan ke arah satu cita-cita yang jelas dan terang. Kita mustahaklah ada mempunyai disiplin parti.

Semangat Pemuda dan Kaum Ibu yang berkobar-kobar itu hanyalah berguna kepada masyarakat kalau ianya disalurkan kepada tujuan-tujuan yang berfaedah kepada masyarakat. Semangat itu boleh dikatakan seperti tenaga atom-atom boleh menjadi bahaya kalau disalah gunakan. Tetapi atom boleh jadi besar gunanya kalau ia disalurkan untuk maksud-maksud perdarhaian dan kemajuan. Demikian jugalah tenaga, semangat dan cita-cita Pemuda dan Kaum Ibu semua mustahaklah disalurkan di dalam organization yang tepat menurut landasan-landasan disiplin yang tertentu di arahkan kepada satu cita-cita yang sebenar-benarnya boleh memberi faedah dan munafaat kepada bangsa dan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan, disiplin tidaklah bererti membatasi kebebasan seseorang - kebebasan Pemuda, Kaum Ibu dan ahli-ahli UMNO untuk bergerak atau bersuara. Disiplin hanya sekadar bererti mengenakan aturan-aturan tertentu supaya tiap-tiap gerakan-gerakan seseorang itu disalurkan sesuai dengan dasar-dasar dan cita-cita perjuangan parti dan negara.

UMNO adalah mengamalkan demokrasi dan kita ada mempunyai peraturan-peraturan yang tertentu. Cawangan-cawangan, Bahagian-bahagian dan juga Perhimpunan Agong UMNO mengadakan mesyuarat-mesyuaratnya pada tiap-tiap tahun dan pegawai-pegawai dipilih oleh mesyuarat-mesyuarat perwakilan. Tiap-tiap orang ahli UMNO mempunyai hak untuk memilih pegawai-pegawai UMNO daripada setinggi-setingginya hinggalah ke serendah-rendahnya dan ahli-ahli parti boleh memberi pandangan dan buah fikiran terhadap -dasar-dasar dan perjalanan parti ataupun dasar-dasar Kerajaan: Akan tetapi pandangan atau kecaman-kecaman itu

hendaklah dibuat melalui saluran-saluran tertentu. Sebagai sebuah parti yang besar dan tersusun, kita mempunyai saluran bagi ahli-ahli parti mengemuka dan menyuarakan rasa tidak puas hati dan kecaman terhadap dasar-dasar dan perjalanan parti atau dasar-dasar dan perjalanan Kerajaan.

Seperti saya katakan tadi, kita adalah mengamalkan demokrasi, akan tetapi demokrasi pun ada mempunyai peraturan-peraturan tertentu dan parti kita mempunyai tata tertib yang sempurna. Segala masalah dalam parti hendaklah diselesaikan menurut peraturan-peraturan yang tertentu. Kadang-kadang kita dapati ada Bahagian-bahagian dan Cawangan-cawangan yang berkrisis sama-sama sendiri. Berlakunya perkara ini adalah disebabkan ahli-ahli Bahagian dan Cawangan-cawangan itu tidak memahami undang-undang tubuh UMNO dan tidak ingin menjalan dan mengikut peraturan-peraturan parti kita.

Menurut dasar demokrasi, tiap-tiap satu keputusan muktamad apabila ia dibuat dengan suara yang lebih ramai dan apabila keputusan itu telah diambil, mustahaklah semua pihak patuh kepada keputusan itu. Kalau keputusan yang dibuat menurut cara demokrasi itu tidak dapat kita persetujuan dan kita mengungkit lagi keputusan itu dengan menimbulkan berbagai-bagai pandangan dan perasaan tidak puas hati, maka ini akhirnya akan menimbulkan pertentangan sama-sama sendiri. Kalau kita sebenar-benarnya mengikut peraturan-peraturan di bawah demokrasi yang kita amalkan, saya yakin dan percaya tidak ada krisis yang boleh timbul dalam mana-mana Bahagian dan cawangan UMNO.

UMNO adalah berdasarkan demokrasi dan ahli-ahli UMNO sekalian mempunyai kuasa yang penuh atas partinya. UMNO bukan dipimpin oleh mana-mana puak ataupun oleh segolongan kaum cerdik pandai sahaja. UMNO adalah dipimpin oleh ketua-ketua yang dipilih oleh ahli-ahlinya sekalian. Y.T.M. Tunku, saya sendiri dan ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi adalah dipilih oleh ahli-ahli UMNO sekalian. Jika tuan-tuan dan puan-puan sekalian dan ahli-ahli UMNO sekalian tidak memilih Tunku, saya dan rakan-rakan saya yang lain, maka saya semua akan jatuh dan akan digantikan oleh orang-orang lain. Inilah demokrasi namanya dan inilah cara perjalanan parti UMNO dan juga perjalanan Kerajaan Perikatan. Kita mengamalkan demokrasi!

Begitu juga mustahak kita memperkuat jentera parti kita setiap masa. Kadang-kadang kita dapati di setengah-setengah tempat, pergerakan UMNO tidak berjalan dengan begitu licin, perjalanan parti hanya disusun dan dihidupkan pada masa hendak diadakan pilihanraya-pilihanraya umum atau pilihanraya-pilihanraya kecil. Keadaan ini adalah merbahaya. Oleh itu mustahaklah jentera parti kita di semua Bahagian dan Cawangan itu dijaga dan diperkuatkan pada setiap masa, sama ada pilihanraya-pilihanraya diadakan atau tidak. Parti kita adalah mendukung Kerajaan dan Kerajaan mustahak berjalan setiap masa. Begitu juga jentera parti kita mustahak juga berjalan dengan baik dan licin setiap masa.

Tuan-tuan dan puan-puan, Parti UMNO ini ialah sebuah parti nationalist yang mengamalkan demokrasi. Dasar yang diperjuangkan oleh UMNO ialah dasar kebangsaan dan dengan sebab itulah UMNO tidak menjadi medan pergaduhan di antara pihak 'kiri' dengan pihak 'kanan'. Tujuan UMNO ialah hendak menjalankan kehendak-kehendak kebangsaan orang-orang Melayu dan kehendak-kehendak negara kita Malaysia supaya negara kita menjadi sebuah negara yang maju dan makmur. UMNO adalah dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang jujur dan ikhlas, yang praktikal, yang sentiasa memandang kepada kepentingan ahli-ahli parti dan menjalankan perkara-perkara yang difikirkan patut dan menasabah dan boleh dilaksanakan. Pemimpin-pemimpin UMNO bukan apa yang dikatakan 'idealist' atau 'docktrinalist' yang memandang kepada ingatan dan impian sahaja.

Selama 16 tahun pucuk pemimpin UMNO tidak berubah dan ini menunjukkan UMNO sangat teguh dan pengikut-pengikutnya percaya dan taat setiap kepada pemimpin-pemimpinnya kerana pemimpin-pemimpinnya jujur dan ikhlas. Saya bagi pihak ahli-ahli UMNO sekalian mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Y.T.M. Tunku di atas kebijaksanaan, kejujuran dan pengorbanan beliau kepada bangsa dan tanahair kita dan kepada UMNO sehingga Pertubuhan UMNO pada hari ini menjadi sebuah parti yang besar, yang berpengaruh dan parti yang mendukung Kerajaan di Malaysia, dahulunya Malaya, semenjak tahun 1955 hingga sekarang ini dengan tidak putus-putus mendapat bantuan rakan-rakan kita M.C.A. dan M.I.C.

Begitu juga kita menjalankan pentadbiran negara kita ini dengan

berpandukan kepada keadilan dan menjalankan dasar ekonomi yang boleh sebenar-benarnya memberi faedah kepada rakyat negeri ini seluruhnya. Kita menjalankan Dasar Ekonomi 'campuran atau terpimpin' iaitu "mixed or planned economy". Kerajaan bertanggungjawab terhadap setengah-setengah perusahaan dan Kerajaan bertanggungjawab menolong orang-orang yang miskin yang berkehendakkan bantuan dan pertolongan dan Kerajaan bertanggungjawab memberi peluang-peluang yang lebih luas lagi dalam lapangan iktisad dan perniagaan kepada orang-orang yang dahulunya tidak ada peluang langsung dalam lapangan perniagaan dan iktisad.

Sebalik itu Kerajaan membenarkan ekonomi bebas dalam negeri ini tetapi ekonomi bebas ini adalah di bawah arahan dan panduan Kerajaan. Kerana dasar yang demikian Malaysia telah menjadi sebuah negara yang maju dan makmur dan kita telah dapat menjalankan rancangan-rancangan pembangunan yang dapat memberi faedah kepada seluruh rakyat negeri ini, terutama sekali rakyat yang mundur dan miskin. Kita telah dapat mengadakan perubahan-perubahan dan memberi taraf hidup yang agak lebih sempurna dan bahagia kepada kebanyakan rakyat yang dahulunya berkeadaan daif dan miskin.

Tuan-tuan dan puan-puan, Parti kita dan Kerajaan kita adalah menjalankan dasar kebangsaan menurut kehendak-kehendak dan hasrat rakyat kerana UMNO dan Perikatan dan Kerajaan kita sentiasa berdamping rapat dengan rakyat, sentiasa menyedari akan kehendak-kehendak dan perasaan rakyat yang dipimpinnya. Dengan cara demikianlah kita telah dapat meningkat kepada kemajuan yang sangat memuaskan hati dan negara kita Malaysia telah mendapat nama yang harum di kalangan negara-negara yang Merdeka di dunia.

Dengan izin Tuhan, jika kita teruskan dasar dan perjalanan Kerajaan kita yang baik dan waras itu dan jika kita perkuatkan lagi parti kita, UMNO, dan perkemaskan lagi jentera pentadbirannya, saya yakin dan percaya UMNO dan Perikatan akan dapat memerintah negara ini beberapa puluh dan beberapa ratus tahun lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, sekianlah sahaja ucapan saya dan saya ucapkan

"SELAMAT BERSIDANG"!

BERJAYA!!

---

<sup>1</sup> D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Tuanku Al-Sultan Ismail Nasiruddin Shah Íbni Al-Marhum Sultan Zainal Abidin.